

04 SEP 1996

Sarawak-Anwar (Fokus Pilihan Raya)

ANWAR RANSANGKAN PUSINGAN AKHIR KEMPEN PILIHAN RAYA S'WAK

Oleh: Azman Ujang

KUCHING, 4 Sept (Bernama) -- Perebutan undi dalam pilihan raya negeri Sarawak pada 7 dan 8 Sept ini telah memasuki pusingan akhir dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menyertai kekalutan itu untuk berucap di empat tempat semasa lawatan setengah harinya ke sini esok.

Kehadiran Anwar dijangka akan memeriahkan lagi pilihanraya ini yang pada umumnya setakat ini dihiasi dengan kempen-kempen yang kurang bermaya, apa yang disifatkan oleh sesetengah pemimpin Barisan Nasional (BN) sebagai disebabkan oleh "sikap puas hati" berikutan dengan parti pemerintah itu yang telah memenangi 19 kerusi pada hari penamaan calon pada 27 Ogos lepas.

Dengan BN yang akan melawan pihak pembangkang yang hanya tinggal 66 calon yang boleh dikatakan ke semuanya bertanding di atas tiket bebas untuk baki 43 kerusi lagi itu, maklumat balas yang didapati dari berbagai kawasan menunjukkan bahawa ia sudah tentu akan mencapai apa yang diramalkan awal-awal oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud sebagai kemenangan sapu bersih.

Taib, yang juga presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu dan presiden Parti Bansa Dayak Sarawak, Datuk Leo Moggie adalah antara juru-juru kempen yang kuat, yang telah merentas ke seluruh negeri yang luas ini dengan helikopter, dengan Moggie memberi tumpuan pada hari-hari akhir ini di Belaga, di kawasan jauh di pedalaman Sarawak.

Sejurus setibanya di sini esok, Anwar akan terus menaikki helikopter untuk ke Simunjan, kira-kira 100km dari sini, untuk merasmikan loji rawatan air bandar itu.

Kemudian beliau akan berlepas ke Kampung Stenggang, terus memasuki "wilayah Bidayuh" di Jalan Bau/Lundu, di mana BN terlibat dengan pertandingan sengit melawan Dr Patau Rubis, pembawa bendera cabaran pembangkang dalam pilihan raya ini.

Pada semua perkiraan, Dr Patau melebihi lawannya Peter Nansian Ngusie, iaitu calon BN dari Snap, parti yang Dr Patau menjadi naib presiden kanannya sehingga beliau keluar sebelum Dewan Undangan Negeri dibubarkan pada 15 Ogos lepas.

Pengaruh dan kekuatan Dr Patau diakui oleh semua dan di kawasannya, Tasik Biru, yang termasuk dengan pekan Bau, popularitinya nampaknya tidak boleh disangkal.

Ini juga diakui oleh Taib, yang telah acap kali memberitahu pengundi-pengundi di Tasik Biru supaya "membuang" Dr Patau untuk kepentingan Pembangunan.

"Tasik Biru merupakan kawasan masalah bagi BN. Jentera kita tidak berupaya menembusi kawasan ini," Taib memberitahu Bernama semalam.

Menurut pekerja-pekerja BN, kehadiran Anwar di Tasik Biru adalah perlu untuk menolak dakwaan pembangkang bahawa sesetengah calon bebas yang bertanding dalam pilihan raya kali ini "disokong" oleh sesetengah pemimpi tertinggi BN, termasuk Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar sendiri -- dakwaan yang disangkal keras oleh kedua-dua pemimpin ini.

Anwar juga akan merasmikan sebuah ladang kelapa sawit di situ. Di sebelah malamnya beliau akan menghadiri dua upacara di Kuching, satu jamuan makan malam BN dan satu lagi merasmikan satu jejambat, sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada jam 10 malam.

Dengan kedudukannya sebagai Anggota Parlimen untuk kawasan ini, Dr

Patau pernah berkemudahan untuk bertemu pemimpin-pemimpin negara di Kuala Lumpur, dan kerana ini terdapat percakapan-percakapan di kawasan ini yang beliau adalah salah seorang dari calon yang mendapat sokongan KL.

Tetapi Seorang lagi Anggota Parlimen Datuk Nazri Aziz, yang berada di sini awal minggu ini, memberitahu Bernama bahawa adalah sukar baginya untuk menganggap Dr Patau sebagai orang pembangkang.

"Dia orang BN pada hatinya. Saya tidak tahu bagaimana beliau akan menyesuaikan diri berada di pihak pembangkang," kata Nazri, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Nampaknya apa yang dikatakan oleh Nazri mempunyai sedikit kebetulan. Dr Patau tidak menghentam BN dalam ceramah-ceramah kempennya tetapi beliau seperti memusuhi hanya Taib seorang kerana menyingkirnya dari jawatan Menteri Muda tahun lepas berikutan dengan tuduhan beliau "memasang" beberapa orang calon bebas pada pilihan raya umum 1995.

Dr Patau juga telah menafikan tuduhan-tuduhan ini dan pekerja-pekerja kempennya telah menyangkalkannya sebagai tuduhan tipis dalam usaha untuk memenangi sokongan dari pengundi-pengundi yang kebanyakannya dari suku Bidayuh bukan sahaja di Tasik Biru tetapi juga di Bengoh yang berdekatan, dan Kedup, Tanjung Datu dan Tebedu Tarat, di mana orang-orang Bidayuh seperti Dr Patau, merupakan pengundi majoriti.

Menurut maklumat balas, BN menghadapi cabaran sengit di kawasan-kawasan Bidayuh ini daripada calon-calon bebas yang dikatakan berganding dengan Dr Patau dalam memancing undi dengan membangkitkan isu "Bidayuhisme".

Mungkin sebagai mencerminkan popularitinya di Tasik Biru, tidak satu pun poster Dr Patau, atau lebih dikenali sebagai Mr Kojak (selepas mencukur kepalanya membantah penggantungannya dari Snap), dapat dilihat di situ.

Sebenarnya, Dr Patau mengakui beliau tidak mencetak poster-poster kerana beliau lebih suka kempen dari rumah ke rumah untuk melawan kekuatan jentera BN yang lebih tersusun di bawah arahan Peter Nansian, lawannya dari BN yang merupakan seorang akauntan berkanun dan juga bekas penolong pengurus besar Lembaga Pembangunan Bintulu.

Seperti juga kawasan-kawasan lain di luar bandar, untuk sampai kepada pengundi-pengundi di kampung-kampung yang berjauhan antara satu dengan lain di Tasik Biru nampaknya memberi kelebihan kepada Peter Nansian dari segi logistik. Kawasan ini berkeluasan 1,022 km padu dan yang paling jauh sekali hanya sekangkang kera dari sempadan Indonesia.

Sementara kira-kira 20 kawasan majoriti pengundi kaum Melayu-Melanau dengan calon-calon penyandang dari PBB akan menyaksikan pertandingan sebelah pihak bagi BN, laporan menunjukkan satu perlawanan yang menarik sedang membentuk di beberapa kawasan majoriti Iban seperti Bukit Begunan, Engkilili, Batang Ai, Krian, Meluan dan Pakan.

Perlawanan yang paling sengit sekali di antara kerusi-kerusi Iban ini ialah di Bukit Begunan di mana, sesuai dengan namanya, Donald Lawan, bekas anggota Snap yang mengalahkan Datuk Daniel Tajem dalam pilihan raya tahun 1987, akan mencabar pendatang baru BN Mong Dagang.

Naib presiden PBDS Dr James Masing, yang juga pengarah gerakan parti untuk pilihan raya ini, mengakui sehingga hari ini Bukit Begunan terkunci dalam satu perlawanan yang sengit.

Lawan, seorang ahli perniagaan Iban yang berjaya yang mempunyai beberapa hotel bertaraf sederhana di sini, bertanding sebagai calon bebas kali ini, kerana katanya, sokongan akar umbinya masih kuat di kawasan itu, melalui hubungannya dengan Snap, parti yang ditinggalkannya semata-mata untuk bertanding dalam pilihan raya ini.

Daniel Tajem, yang mejadi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand dan juga timbalan presiden PBDS, dikeluarkan dari senarai calon.

Lawan juga menarik banyak minat dalam satu hal lagi. Semalam beliau menggunakan iklan sepenuh muka dalam akhbar Borneo Post untuk menyatakan

mengapa beliau bertanding melawan BN, satu-satunya calon bebas atau pembangkan yang berbuat demikian setakat ini dalam kempen pilihan raya ini.

Dalam iklan itu, Lawan berkata beliau bertanding untuk menghapus politik wang, membela maruah dan kehormatan kaum Iban dan mengawal kecenderungan untuk menggunakan orang-orang Iban sebagai "nomini" dalam politik.

"Bukan iklan ini sangat yang menarik minat, tetapi dengan kebanyakan akhbar-akhbar dalam negeri ini yang ada hubungan politiknya, iklan ini yang disiarkan juga itulah yang menghairankan, kerana Lawan, yang dikenali sebagai orang BN, bertanding melawan BN," seorang penganalisis politik mengulas.

"Tujuan pencalonannya mencetus banyak tanda tanya ramai," kata penganalisis itu,

Nama tokoh pembinaan Malaysia, Tan Sri Ting Pek Khiing juga telah ditarik masuk dalam kemelut berkempen sekarang.

Beliau didakwa sebagai memberi sokongan kepada calon bebas tertentu untuk kerusi Meradong, kawasan majoriti Cina, tempat lahirnya di Bintangor, dan ini memaksanya mengeluarkan kenyataan penafiaan.

Ting, yang merupakan penaja utama Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), berkata walaupun beliau tidak suka dengan calon BN, Thomas Hii, yang terlibat dalam pertandingan empat penjuror, tidak ada sebab untuk beliau menyokong calon bebas.

"Jangan gunakan nama saya untuk tujuan politik, saya menyokong penuh BN," kata beliau.

Dengan hanya tiga hari lagi untuk pengundian, seramai 580,697 pengundi di 43 kawasan lagi akan dipancing dengan sengit oleh pekerja-pekerja parti dalam usaha-usaha saat akhir mereka bagi mendapat sokongan kepada calon mereka, terutamanya di kawasan-kawasan yang dianggap kelabu dan kurang meyakinkan.

Abdul Taib Mamud nampaknya tidak menunjukkan tanda-tanda tertekan pada pilihan raya kali ini kalau dibandingkan dengan pada tahun 1987 dan 1991.

Sekiranya adapun tanda-tanda ini, hanyalah keletihan fizikal setelah merentas ke seluruh negeri untuk memberi sokongan kepada calon-calon BN.

Tetapi sebagaimana Ketua Menteri yang sentiasa nampak tenang dan penuh keyakinan ini pernah berkata dalam beberapa temuramah sejak dua minggu lepas, bukanlah kemenangan BN yang tidak diyakini, tetapi BN mahukan mandat yang paling jelas untuk membawa Sarawak masuk keabad ke-21. -- BERNAMA

AU WAT